

Cabaran mengurus emosi anak OKU

NUR IZZATY memiliki perwatakan yang ceria dan mengasahi kanak-kanak.

Cabaran emosi seorang bapa bermula saat bayi dilahirkan disahkan mengalami kelainan upaya (OKU).

KOSMO 30/7/12 MS 22

TIGA belas tahun lalu, saat diberitahu bayi yang bakal dilahirkan isterinya menghidap penyakit jantung berlubang, Rasli Mohamad, 57, tidak menyangka bahawa ia adalah permulaan kepada cabaran emosi yang lebih berat.

Selain tertekan mengenangkan nasib bayi itu yang perlu dibedah, dia dan isteri, Nor Azleen Abdullah, 54, dikejutkan pula dengan berita bahawa bayi yang dilahirkan turut mengalami penyakit sindrom Down.

Biarpun reda dengan ketentuan Tuhan, perasaan bimbang wujud apabila mengenangkan masa depan anak bongsu daripada empat adik-beradik itu yang diberi nama Nur Izzaty Rasli.

"Semasa diberitahu anak saya menghidap jantung berlubang, saya tidak sangka bayi saya turut menghidap sindrom Down kerana saya



RASLI dan isteri, Nor Azleen berharap Nur Izzaty dapat berdikari apabila dewasa melalui pendidikan khas yang diterapkan sejak dia masih bayi.

RASLI dan isterinya tegas dalam mendidik Nur Izzaty.

tidak dapat lihat petanda pada wajahnya saat baru dilahirkan.

“Saya dan isteri akhirnya mengambil keputusan untuk menghantar Nur Izzaty menjalani rawatan di Yayasan



Oleh ROSMALINA ABD. KADIR
rosmalina.kadir@kosmo.com.my

Sindrom Down KIWANIS selepas dua bulan dilahirkan kerana di sana terdapat program khas untuk pemulihan bayi sindrom Down,” ujarnya ketika ditemui pada perjumpaan kumpulan sokongan para bapa di Pusat Perubatan dan Rehabilitasi WQ Park, Kelana Jaya baru-baru ini.

Rasli memberitahu, dia tidak terlalu terkejut dengan berita tersebut berbanding isterinya.

Begitupun, sebagai suami dan bapa, dia memainkan peranan paling penting dalam menentukan masa depan anaknya itu.

“Semasa mengambil pengajian peringkat sarjana di United Kingdom dahulu, isteri rakan baik saya di sana turut melahirkan anak sindrom Down selepas kembali ke Malaysia.

“Kami banyak bertukar-tukar pendapat dan cerita, selain masing-masing kini

terbabit dengan Persatuan Sindrom Down Malaysia,” katanya sambil memberitahu, isterinya turut berhenti kerja dan menyertai persatuan berkenaan sebagai setiausaha kerja.

Menceritakan cabaran membesarkan anak sindrom Down, Rasli memberitahu dia pada awalnya cukup tertekan apabila Nur Izzaty mengamuk terutamanya di khalayak ramai apabila kehendaknya tidak dipenuhi.

Lebih sensitif

“Berbanding kanak-kanak normal, anak sindrom Down lebih sensitif, emosi mudah terganggu dan mereka cepat marah kerana lebih manja berbanding adik-beradik lain.

“Paling tidak tahan apabila dia mengamuk di depan orang ramai. Saya bimbang orang yang memandang berfikir bahawa anak dia mengamuk kerana saya memukulnya,” jelas pensyarah universiti swasta itu.

Disebabkan itu katanya, dia sekeluarga memberi perhatian lebih kepada Nur Izzaty dan banyak bermuhasabah diri supaya sentiasa bersabar menghadapi kerenahnya.

“Kalau dahulu, apabila tidak dapat pujuk, saya akan dukung dia tetapi kini dia sudah besar dan tidak mampu untuk didukung lagi.

“Jadi, kalau ke mana-mana saya akan pastikan tidak melalui



KOSMO 30/7/12 MS 23

kedai-kedai permainan kerana bimbang dia akan meminta yang bukan-bukan," katanya.

Rasli memberitahu, Nur Izzaty yang mula berjalan pada usia tiga tahun kini mampu menguruskan dirinya termasuk menggunakan komputer, tetapi kadangkala akan merosakkan barang-barang di rumah apabila dia 'meragam'.

"Nur Izzati suka membeli ibunya kerana ibunya lembut hati, malah kadangkala dia sengaja merosakkan barang yang diberikan termasuk komputer sebagai tanda protes.

"Tetapi semasa moodnya baik, dia amat mudah bergaul, malah dia amat sayangkan dua orang anak buahnya serta bersikap baik di sekolah," katanya.



KAMAL OSMAN

Perlu kebebasan

Sementara itu, seorang pesara, Kamal Osman, 64, turut tidak terlepas menghadapi cabaran menangani sikap baran anaknya, Anis Atiqah Kamal yang kini berusia 16 tahun.

"Kita tidak boleh bersikap kasar dengan Anis kerana dia akan menjadi agresif dan naik angin sekiranya dikasari.

"Mujurlah, saya dan isteri serta anak-anak yang lain berbincang supaya kami sama-sama dapat menjaga Anis. Kami juga tidak pernah malu untuk membawanya ke mana sahaja," katanya.

Walau apapun yang dipelajari kata Kamal, Anis akan naik angin dan mengamuk sekiranya dia dimarahi

MELALUI program khas untuk ibu bapa seperti ini, mereka dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai keadaan anak mereka.



ANIS kini dapat berdikari dan menguruskan dirinya sendiri berkat didikan berterusan daripada kedua-dua ibu bapanya.

Kamal yang turut menghantar Anis mendapatkan rawatan di KIWANIS semasa bayi, memberitahu, dia juga pernah mencuba rawatan tradisional untuk mengurangkan penyakit anaknya itu.

"Semasa bayi, kami pernah mandikan dia dengan sebaldi air embun yang tak ditapis kerana mengikut petua orang lama.

"Walaupun tidak pasti dengan keberkesannya, kini saya bersyukur kepada Allah kerana Anis dapat berdikari dan menguruskan dirinya sendiri, malah dapat menyediakan minumannya sendiri," katanya.

Menceritakan pengalaman itu, Kamal memberitahu, sewaktu kecil Anis pernah mencurah air ke dalam tin milo untuk membuat minumannya sendiri, tetapi kini sudah pandai selepas diajar termasuk dapat membasuh pinggan mangkuk.

"Saya ketawa sendirian apabila mengenangkan ragamnya, lebih-lebih lagi kini dia sudah pandai menyebut 'shut up!' apabila rimas dibebel atau diarahkan.

"Dia juga amat menyukai muzik dan akan menyanyi mengikut caranya sendiri ketika mendengar lagu-lagu kegemarannya," ujar Kamal.



MELALUI kumpulan sokongan yang disertai pakar pemulihan, ibu bapa dapat berkongsi masalah dan mencari penyelesaiannya bersama-sama.

atau apabila orang bercakap secara kasar terhadapnya.

"Memiliki anak sindrom Down memerlukan kesabaran yang tinggi. Kita perlu banyak bertolak ansur dalam mendidiknya agar dia cepat pandai berdikari," katanya.

Menceritakan kisah 16 tahun lalu, Kamal memberitahu, dia dan isterinya menyangka bayi yang baru dilahirkan mengalami sakit mata kerana wajahnya agak berlainan, tetapi mendapat berita menyedihkan kerana

bayi itu disahkan sindrom Down.

"Isteri saya menangis apabila mendapat tahu anak kami mengalami sindrom Down, tetapi saya lebih tenang dan menerima hakikat yang telah ditentukan Tuhan kepada kami sekeluarga.

"Semakin Anis membesar, adik-beradinya yang lain ada yang mesra dengannya dan ada yang bersikap kasar, tetapi kini hubungan sekeluarga semakin baik apabila kami sering berbincang," ceritanya.

Rancang masa depan anak

kosmo

30/7/12 MS23.

DALAM menangani kerenah kanak-kanak kelainan upaya (OKU) yang mempunyai masalah tingkah laku, ibu bapa hendaklah memahami keadaan dan mempelajari sebab ia berlaku, selain berbincang dengan pakar mengenai cara menanganinya.

Demikian saranan Pakar Perunding Pemulihan Perubatan WQ Park, Dr. Tunku Nor Taayah Tunku Zubir kepada penjaga kanak-kanak OKU terutamanya ibu bapa dalam menguruskan emosi anak-anak mereka.

"Ada pelbagai sebab kanak-kanak tersebut bertindak sedemikian. Ibu bapa dan ahli keluarga hendaklah bersatu dan tidak melakukan perkara yang berbeza dalam mengatasi tingkah laku seperti 'meragam' dan baran.

"Menjaga dan membesarkan anak-anak yang mempunyai ketidak-upayaan mempunyai pelbagai cabaran. Setiap keperluan kanak-kanak adalah tidak sama dan unik," katanya ketika ditemui di Pusat Perubatan dan Rehabilitasi WQ Park baru-baru ini.

Justeru, sesi kaunseling dan bertukar-tukar fikiran dengan ibu bapa lain

sangat mustahak dan dapat membantu ibu bapa memgharungi cabaran-cabaran tersebut.

"Ibu bapa digalakkan menyertai kumpulan sokongan yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak-anak OKU bagi berkongsi masalah dan mencari penyelesaian," katanya.

Namun, apa yang lebih penting katanya adalah untuk ibu bapa memahami dan mendalami pengetahuan mengenai penyakit yang dihadapi anak mereka.

"Sebaik sahaja mengetahui anak menghidapi penyakit yang menyebabkan ketidakupayaan, ibu bapa hendaklah mendalami pengetahuan mengenai penyakit itu, cara rawatan yang ada, cara mengelakkan komplikasi dan rawatan pemulihan yang menyeluruh termasuk pendidikan yang terbaik.

"Pendidikan termasuk pemulihan awal (*early intervention programme*)

yang dapat membantu membolehkan kanak-kanak itu berdikari sebaik mungkin dan memperolehi perkembangan yang terbaik," katanya.

Untuk itu katanya, ibu bapa hendaklah mencari pusat pemulihan dan pendidikan yang terbaik untuk anak mereka dengan membuat kajian serta bertanya dengan ibu bapa yang lain.

"Ada pelbagai masalah yang boleh dihadapi oleh kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan, bergantung kepada jenis penyakit yang dialami.

"Selain daripada masalah perubatan, mereka mungkin mengalami antaranaya kelemahan otot, masalah pertuturan, koordinasi, sensori, pembelajaran, tingkah laku dan spastik," katanya.

Menurut Taayah, perhatian hendaklah diberi dari segi perubatan, pemulihan termasuk fizikal, cara kerja, pertuturan dan akademik.

"Ibu bapa juga hendaklah mempelajari



TUNKU NOR TAAAYAH

aktiviti-aktiviti yang diajar oleh pakar terapi dan melakukannya dirumah.

"Perhatian dari segi emosi juga perlu dititik berat bukan sahaja kepada anak itu tetapi pada ahli keluarga yang lain.

"Perbincangan bersama dan memahami keadaan boleh membantu dalam hal ini," jelasnya.

Tambah Tunku Nor Taayah, untuk menyediakan keperluan pendidikan tersebut, persediaan mencukupi dari segi material dan emosi amat penting.

"Bagi ibu bapa yang tidak berkemampuan daripada segi kewangan untuk rawatan perubatan, pemulihan dan alat-alat, pemohonan boleh dibuat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Persediaan juga termasuk menyediakan persiapan yang mencukupi dan perancangan sekiranya ibu bapa meninggal dunia sebelum anak-anak mereka," katanya.

Selain itu katanya, JKM dan beberapa badan kebajikan atau badan bukan kerajaan boleh membantu menjaga anak-anak berkenaan sekiranya mereka tidak mempunyai waris.